

KRITERIA GEOFOOD

KRITERIA GEOGRAFI untuk produk GEOfood dan pengeluar:

1. Hanya pengeluar atau perusahaan di kawasan yang diiktiraf UNESCO Global Geopark yang diluluskan dibenarkan menggunakan logo GEOfood.
2. Geopark tersebut hendaklah menghantar permohonan ke Magma Geopark untuk menyertai jenama GEOfood.
3. Setiap Geopark bertanggungjawab untuk penggunaan logo dan menghormati kriteria yang telah ditetapkan.
4. Berkenaan dengan lokasi perusahaan atau kebun/ladang yang diusahakan, setiap Geopark dikehendaki menentukan zon penampian yang bersebelahan dengan Kawasan Geopark.
5. Pilihan zon penampian hendaklah dijelaskan dalam label bersama dengan maklumat geologi yang lain. Zon penampian hendaklah ditonjolkan atas dasar bahawa produk atau kilang terletak berdekatan dengan sempadan kawasan Geopark dan / atau disebabkan bersangkutan paut dengan fenomena geologi kawasan Geopark.
6. Pengeluar mesti berada di kawasan Geopark atau di zon penampian terpilih. Pengeluar GEOfood tidak boleh terdiri daripada kalangan yang berada di luar Geopark atau di luar kawasan zon penampian.
7. Bahan mentah yang merupakan produk GEOfood mesti berasal dari kawasan Geopark (atau zon penampian).
8. Bahan mentah boleh diproses di luar Geopark dan / atau di luar zon penampian.

MAKLUMAT LABEL:

Produk GEOfood mesti mempunyai hubungan rapat dengan warisan geologi tempatan, maklumat ringkas khusus mengenai perkara ini hendaklah disediakan dalam produk makanan dan menu restoran GEOfood melalui maklumat bertulis (sebagai contoh, kentang atau sayur-sayuran yang tumbuh di batu pasir subur yang dibentuk oleh pergerakan glasier semasa zaman air batu terakhir; minyak zaitun yang dihasilkan daripada pokok zaitun yang ditanam di marl Jurasik yang disimpan di Laut Tethys kuno, garam dari laut kuno, roti dari bijirin yang tumbuh di tanah Geopark kerana berlaku fenomena geologi yang istimewa, dan lain-lain)

Sekiranya Geopark memilih zon penampunan, ia hendaklah turut dinyatakan dalam label. Asal-usul bahan mentah mesti dinyatakan dengan jelas pada label, terutama yang berkaitan dengan warisan geologi.

Kategori utama pengeluar GEOfood:

Dua kategori umum telah dikenal pasti untuk pengelasan produk GEOfood yang bergantung kepada proses pembuatan:-

1. Produk mentah, seperti: sayur-sayuran, kacang, daging, buah beri, ikan, cendawan, minyak zaitun, madu, susu, dan lain-lain. Produk ikan mestilah tidak dibekukan untuk dipertimbangkan bagi diangkat sebagai GEOfood.
2. Produk makanan yang diproses, seperti: Makanan dan minuman yang berasal dari gabungan atau transformasi produk mentah yang tumbuh di kawasan geopark atau zon penampunan. (lihat kepada kriteria geografi). Produk seperti: keju, wain, bir, roti, biskut dan lain-lain.

KRITERIA GEOfood untuk restoran:

1. Logo GEOfood mesti kelihatan dengan jelas dipamerkan di restoran dan di media yang bersesuaian.
2. Menu GEOfood mesti diilhamkan oleh warisan geologi dengan membuktikan kepentingan ciri ini di Geopark dan membolehkan pelanggan menikmati warisan geo melalui deria rasa dan jika boleh, mewujudkan suasana luar (*outdoor*) di kawasan makan.
3. Perusahaan hendaklah memberi huraian menu GEOfood dengan sekurang-kurangnya 50% produk mentah tempatan (berasal dari kawasan Geopark atau zon penampunan).
4. Restoran GEOfood harus menyediakan sekurang-kurangnya satu menu GEOfood, berdasarkan musim atau secara tahunan.
5. Saling mempromosi di kawasan Geopark dan restoran terpilih dengan menggunakan logo, risalah maklumat dan di halaman laman sesawang (laman sesawang rasmi, media sosial, akhbar tempatan dan lain-lain lagi).
6. Melaporkan aktiviti di restoran setiap tahun, atau mengikut persetujuan Bersama pentadbir Geopark.
7. Memberi maklumat mengenai syarikat untuk dipertimbangkan bagi membangunkan aplikasi jenama sendiri dengan makanan berkaitan dan peluang pelancongan.

PENGUNAAN LOGO

- Logo GEOfood tidak boleh diubah dengan cara apa pun.
- Warna lain tersedia untuk label GEOfood lain yang berkaitan dengan aktiviti seperti laluan pelancong atau amalan terbaik yang berkaitan dengan gaya hidup sihat. (misalnya jalan yang memberitahu pengunjung mengenai penggunaan kalori / GEOmenu dengan kalori dan cara membakarnya)
- Penggabungan dengan logo Geopark adalah amat disyorkan.
- Logo tempatan lain boleh digabungkan jika dihubungkan dengan falsafah Geopark.
- Gabungan dengan logo UNESCO tidak dibenarkan pada produk komersial.